



SEGERA

Ruj. Kami : KDN(S): 03/642/13 JLD 4 (2)
Tarikh : 28 April 2016

**Pengarah
Syarikat Agensi Persendirian yang Berdaftar di bawah Akta Agensi
Persendirian 1971**

Tuan,

**ARAHAN MEWAJIBKAN PENGAWAL KESELAMATAN WARGANEGARA
NEPAL UNTUK MENYERTAI PROGRAM LATIHAN *TRAINED NEPALIS GUARDS*
(TNG).**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan pelaksanaan program latihan *Trained Nepalis Guards (TNG)* di bawah inisiatif *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* yang berkuatkuasa pada 3 Mei 2016, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menetapkan bahawa semua syarikat kawalan keselamatan yang dilesenkan oleh KDN **WAJIB** menghantar pengawal keselamatan warganegara Nepal mereka untuk menghadiri program latihan TNG.

3. Dalam hubungan ini, bagi tujuan pembaharuan lesen agensi persendirian untuk **tahun 2017**, semua syarikat kawalan keselamatan **wajib memenuhi jumlah kuota pengawal keselamatan warganegara Nepal yang telah mengikuti latihan TNG** seperti berikut sebelum layak untuk dipertimbangkan bagi pembaharuan lesen agensi persendirian untuk **tahun 2017**:

| Jumlah Pengawal Keselamatan warganegara Nepal Yang Dimiliki oleh Syarikat | Kuota Latihan TNG |
|--|--------------------------|
| 100 pengawal dan ke atas | Minimum 10% |
| Kurang daripada 100 pengawal | Minimum 10 orang |

4. Syarikat Kawalan Keselamatan adalah dinasihatkan untuk membuat perancangan awal bagi menyelaraskan penyertaan pengawal-pengawal keselamatan di dalam program latihan TNG berdasarkan kepada jadual siri latihan yang telah ditetapkan oleh KDN dan Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PPKKM) bagi memenuhi jumlah kuota pengawal keselamatan tempatan yang telah mengikuti latihan TNG bagi tujuan pembaharuan lesen agensi persendirian untuk tahun 2017.



5. Dalam hubungan ini, syarikat adalah diminta untuk mendaftar kursus secara *online* di pautan www.csppkkm.my dan membuat bayaran sebanyak RM 318.00 untuk setiap peserta kursus kepada PPKKM. Bersama-sama ini dikemukakan jadual latihan TNG untuk tahun 2016 bagi tempoh Mei sehingga Disember 2016.

6. Untuk sebarang makluman lanjut, sila hubungi En. Muhamad Aminudin Bin Che Omar (03-88868551), En. Gary Albert Jimbih (03-88868536), Pn. Siti Shuhada binti Mustapha (03-88868362) atau PPKKM (03-78041733/7359).

7. Kerjasama pihak syarikat dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

Saya yang menurut perintah,



(MUHAMAD SADE BIN MOHAMAD AMIN)

Setiausaha Bahagian

Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Kementerian Dalam Negeri

s.k:

YBhg. Dato' Sri KSU

YBhg. Dato' Sri TKSU(K)

YBhg. Dato' Ketua Eksekutif IPSOM

SUSK kepada YAB Menteri Dalam Negeri

SUSK kepada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri I

SUSK kepada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri II

Presiden

Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM)

No. 715 & 716, Blok A, Tingkat 7, Kelana Business Centre

Jalan SS 7/2, Kelana Jaya

47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Faks: 03-78038691



TAKWIM LATIHAN TRAINED NEPALIS GUARD (TNG)**MEI - DISEMBER 2016**

| BULAN | TARIKH | SIRI | PUSAT LATIHAN | ZON | KAPASITI |
|------------------------|--|---------|---------------------------------------|--------|-------------|
| May | 9 - 10 | 1/2016 | Pusat Latihan JPAM, SPU, Butterworth | Utara | 120 |
| | 12 - 13 | 2/2016 | Pusat Latihan JPAM, SPU, Butterworth | Utara | 120 |
| | 23 - 24 | 3/2016 | Kem Bumi Jati, Jalan Kebun, Shah Alam | Tengah | 200 |
| | 26 - 27 | 4/2016 | Kem Bumi Jati, Jalan Kebun, Shah Alam | Tengah | 200 |
| Jun | Bulan Ramadhan & Bulan Syawal | | | | |
| Julai | | | | | |
| Ogos | 1 - 2 | 5/2016 | Kem Bumi Jati, Jalan Kebun, Shah Alam | Tengah | 200 |
| | 4 - 5 | 6/2016 | Kem Bumi Jati, Jalan Kebun, Shah Alam | Tengah | 200 |
| | 15 - 16 | 7/2016 | Pusat Latihan JPAM, SPU, Butterworth | Utara | 120 |
| | 18 - 19 | 8/2016 | Pusat Latihan JPAM, SPU, Butterworth | Utara | 120 |
| September | 5 - 6 | 9/2016 | Kem Bumi Jati, Jalan Kebun, Shah Alam | Tengah | 200 |
| | 8 - 9 | 10/2016 | Kem Bumi Jati, Jalan Kebun, Shah Alam | Tengah | 200 |
| | 26 - 27 | 11/2016 | Pusat Latihan JPAM, SPU, Butterworth | Utara | 120 |
| | 29 - 30 | 12/2016 | Pusat Latihan JPAM, SPU, Butterworth | Utara | 120 |
| Oktober | 10 - 11 | 13/2016 | Kem Bumi Jati, Jalan Kebun, Shah Alam | Tengah | 200 |
| | 13 - 14 | 14/2016 | Kem Bumi Jati, Jalan Kebun, Shah Alam | Tengah | 200 |
| | 24 - 25 | 15/2016 | Pusat Latihan JPAM, SPU, Butterworth | Utara | 120 |
| | 27 - 28 | 16/2016 | Pusat Latihan JPAM, SPU, Butterworth | Utara | 120 |
| November | 7 - 8 | 17/2016 | Kem Bumi Jati, Jalan Kebun, Shah Alam | Tengah | 200 |
| | 10 - 11 | 18/2016 | Kem Bumi Jati, Jalan Kebun, Shah Alam | Tengah | 200 |
| | 14 - 15 | 19/2016 | Pusat Latihan JPAM, SPU, Butterworth | Utara | 120 |
| | 17 - 18 | 20/2016 | Pusat Latihan JPAM, SPU, Butterworth | Utara | 120 |
| | 21 - 22 | 21/2016 | Kem Bumi Jati, Jalan Kebun, Shah Alam | Tengah | 200 |
| | 24 - 25 | 22/2016 | Kem Bumi Jati, Jalan Kebun, Shah Alam | Tengah | 200 |
| Disember | 5 - 6 | 23/2016 | Pusat Latihan JPAM, SPU, Butterworth | Utara | 120 |
| | 8 - 9 | 24/2016 | Pusat Latihan JPAM, SPU, Butterworth | Utara | 120 |
| | 19 - 20 | 25/2016 | Kem Bumi Jati, Jalan Kebun, Shah Alam | Tengah | 200 |
| | 22 - 23 | 26/2016 | Kem Bumi Jati, Jalan Kebun, Shah Alam | Tengah | 200 |
| JUMLAH KAPASITI | | | | | 4240 |

